

JIHAD DENGAN ILMU DAN AMAL

(Penulis rencana ini ialah Tuan Ahmad Rashid Sutan Mansur atau lebih dikenali dengan nama “H. R. Sutan Mansur” seorang jaguh Islam Indonesia yang tidak payah dikenalkan lagi. Tulisannya yang berharga ini telah menghiasi majalah “aliran Islam” Bandung yang madmun dan khulasahnya kita peturunkan di bawah ini -P.)

Kebanyakan orang-orang Islam kita menyangka dan mengira bahawa apabila kita sudah percaya kepada rukun-rukun iman dan Islam cukuplah jadi Islam, dan jika sembahyang, maka kita cukup menjadi seorang Muslim. Kebanyakan kita menyangka bahawa jika kita sudah percaya akan adanya Tuhan Yang Maha Esa dengan sifatnya yang dua puluh dan percaya kepada utusan-utusan yang dua puluh lima, maka kita telah jadi seorang Islam dan seorang mukmin. Jika hanya demikian, dengan ini seolah-olah kita mengakui bahawa Islam ini ialah agama yang lumpuh, agama yang tak bergerak, agama yang takkan sanggup memberikan pimpinan kepada manusia yang hidup ini.

Kaum Muslimin yakin bahawa kemenangan itu ialah kemenangan yang datang daripada Allah.

Tetapi kaum Muslimin acap kali menggunakan kepercayaan ini dengan secara sentimental.

Cubalah, jika imamnya : agama Islam itu dihinakan orang dan kaum Muslimin direndahkan, maka akan tegaklah kaum Muslimin dengan marahnya dan tak mahu direndahkan orang. Pada hal ada di antara yang tidak sembahyang dan tidak puas. Perintah-perintah Islam telah dipercuaikan sehingga Islam di tanah air kita hanya tinggal bekas-bekas sahaja.

Dalam perkahwinan umpamanya, yang nampak oleh kita, hanya tinggal akadnya yang masih menurut pimpinan Islam, sedang yang lain-lain tidak ada lagi.

Dalam berpuasa, kita lihat pimpinan rohani ini tiada memberi bekas, yang tinggal hanya lapar sahaja.

Dalam berzakat yang nampak oleh kita hanyalah keluhan pada

ketika mengeluarkan zakat itu, tidak lagi ia mendorong cita-cita bagi memperbaiki iktisad kaum Muslimin.

Oleh kerana musuh kita mengetahui benar bahawa faham Islam di tanah air kita ini hanya beredar di sekitar kulitnya sahaja, sedang isinya tiada. Apalagi jantungnya. inilah yang menjadikan musuh kita dengan tidak bersegan-segan lagi menyerbu. Demikian rupa dan menerkam kaum Muslimin dengan tenteranya yang kuat dan teratur.

Lihatlah Kristian, lihatlah!..... lihatlah!

Mereka telah menyerbu ke tanah air kita dengan buah pekerjaan yang tersergam hebat, dengan mendirikan rumah sekolah, rumah miskin, rumah yatim, dan seterusnya yang pada mulanya mereka seolah-olah memberikan pelajaran dan ilmu pengetahuan, tetapi yang sebenarnya itu hanya umpannya bagi pancing yang mereka hulurkan.

Kebudayaan sangat laku di tanah air kita terutama di antara golongan anak-anak muda kita, kenapakah kita dibiarkan?

Jika kita dibiarkan, maka tak dapat tidak, kita yang hidup masih mempunyai sedikit sinar dan “nur” Islam ini akan digantikan kelak. olah anak-anak kita sendiri yang tidak bersinar sama sekali, yang kepadaman pelita, yang gelap hitam, yang bingung tidak dapat menentukan haluan hidup ini.

Yang sedemikian itu adalah disyaratkan oleh firman Allah Taala, ertinya :

“Maka mereka telah meninggalkan pengganti (zuriat) yang mencuaikan sembahyang dan menurutkan syahwat, maka mereka sudah tetap akan peroleh kerosakkan.” 59 surah Maryam.

(sambungan pada muka 43)